

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4(3)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 3 TAHUN 2017**

Tarikh : **29 Mac 2017 (Rabu)**

Masa : **10.00 pagi hingga 12.10 tengah hari**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

Kehadiran : **Seperti di Lampiran A**

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 3/2017 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

**2.1 KEJOHANAN 'SOCCER KIDS' MPSJ SEMPENA SAMBUTAN
ULANGTAHUN MPSJ KE-20**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Kejohanan 'Soccer Kids' MPSJ Sempena Sambutan Ulangtahun MPSJ ke 20.**

Objektif program ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan kegiatan yang sihat dikalangan belia, mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan bolasepak dan mengeratkan jalinan silaturahim dikalangan masyarakat di kawasan pentadbiran MPSJ.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 2 April 2017 (Ahad)

Tempat : Stadium 3K, SS13, Subang Jaya

Peserta program terdiri daripada golongan belia dan remaja yang berumur bawah 9 tahun dan bawah 12 tahun.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan kejohanan ini.

2.2 PROGRAM “FUN RIDE SJ 25KM”

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Fun Ride SJ 25KM** seperti maklumat berikut:

Tarikh : 2 April 2017 (Ahad)

Tempat : Stadium 3K, SS13, Subang Jaya

Program berbasikal ini akan melibatkan anggaran peserta seramai 1,000 orang dengan jarak kayuhan sejauh 25KM. Objektif program ini ialah menggalakkan penyertaan komuniti terutamanya belia bagi membudayakan gaya hidup sihat dengan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sihat seperti berbasikal dan beriadah.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

2.3 KEJOHANAN SUKAN ANTARA JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) MPSJ

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Kejohanan Sukan Antara JKP MPSJ Sempena Pembukaan Dewan Serbaguna MPSJ, Jalan Laman Puteri 3, Bandar Puteri, Puchong** seperti maklumat berikut:

Tarikh : 29 April 2017 (Sabtu)

Tempat : Dewan Serbaguna MPSJ Laman Puteri 3, Bandar Puteri, Puchong

Program ini diadakan bertujuan untuk memperkenalkan kemudahan sukan yang dibina oleh pihak Majlis untuk kegunaan komuniti bagi aktiviti sukan dan riadah serta menjalinkan hubungan silaturahim dikalangan Ahli Majlis, ahli-ahli JKP dan masyarakat setempat.

Acara sukan yang akan dipertandingkan ialah **karom bergu berpasukan, dam aji berpasukan, dart berpasukan dan 3 on 3 bolakeranjang**. Peserta program terdiri daripada Ahli Majlis dan ahli-ahli JKP.

2.4 SESI DIALOG / PEMERKASAAN AWAM BAGI PROGRAM PENGINDAHAN LORONG BELAKANG DAN LUKISAN MURAL

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Sesi Dialog / Pemerksaan Awam Bagi Program Pengindahan Lorong Belakang Dan Lukisan Mural Di**

Kawasan Sunway Metro, Jalan PJS 11/28A dan Jalan PJS 11/28B, Bandar Sunway seperti maklumat berikut:

Tarikh : 13 April 2017 (Khamis)

**Tempat : Theater Hall, Level 2, The One Academy,
Bandar Sunway**

Projek ini telah dilaksanakan secara bersepadu dan diselaraskan oleh Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik dan akan **memfokuskan lorong belakang Jalan PJS 11/28A, Bandar Sunway dan Jalan PJS 11/28B**, Bandar Sunway dan ia berada dalam kawasan (JKP Zon 2) iaitu dibawah seliaan Encik Wan Hock Leong, Ahli Majlis MPSJ.

Objektif utama program ini adalah untuk memastikan keadaan lorong belakang sentiasa bersih melalui *win-win situation* dan *soft approach* kepada pemilik / penyewa premis dalam memastikan:

- i. Tiada masalah pembuangan sampah haram di lorong belakang.
- ii. Memastikan saluran penghawa dingin menepati syarat.
- iii. Pemasangan grease trap supaya longkang tidak tersumbat dan berbau busuk.

Sesi dialog / pemerksaan awam ini juga bertujuan untuk mendapat maklumbalas dan menjadi plattform bagi menyampaikan serta mendidik pemilik / penyewa premis tentang perkara /syarat serta undang-undang Majlis yang perlu dipatuhi bagi kepentingan bersama.

2.5 PROGRAM JOM KONVOI KEMBARA AMAL MPSJ 2017

Program Jom Konvoi Kembara Amal MPSJ 2017 akan diadakan pada tarikh yang dicadangkan iaitu pada **27 April (Khamis) - 30 April 2017 (Isnin)** melalui kawasan negeri Selangor dan Pahang. Seramai **100 orang peserta** dan 30 urus setia terlibat di dalam program ini. Antara modul yang akan diterapkan adalah seperti berikut :

- Modul Madani – Peserta diajar cara-cara menguruskan jenazah
- Modul Kemasyarakatan – Belia terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan iaitu menguruskan walimatulurus secara rewang
- Modul Cinta Alam Sekitar – Belia terlibat membersihkan dan mengindahkan kawasan yang terpilih.
- Modul Cegah Jenayah – Mengenal pasti punca-punca utama masalah dikalangan Belia pada masa kini.
- Modul Tonggak Negara – Memperingati Jasa Gagah Perkasa Angkatan Tentera Diraja Malaysia dalam misi *Black Hawk Down*

2.6 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sehingga minggu epid ke 11 tahun 2017, MPSJ telah mencatatkan 1,406 kes demam denggi. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 50% jika dibandingkan dengan bilangan kes minggu epid yang sama pada tahun lepas iaitu berjumlah 2,820 kes.

Lokaliti hotspot demam denggi sehingga minggu epid kesebelas (11) adalah berjumlah **14** iaitu seperti berikut:

BIL	ZON	BILANGAN LOKALITI HOTSPOT
1.	Subang Jaya	0
2.	Seri Serdang	8

3.	Seri Kembangan	4
4.	Kinrara	2
JUMLAH		14

Jabatan Kesihatan MPSJ pada ketika ini lebih memfokuskan aktiviti kawalan dan pencegahan di pangsapuri yang mempunyai kes demam denggi. Pihak Majlis akan menghubungi *Joint Management Body* (JMB) bagi memaklumkan kes demam denggi yang dilaporkan supaya mereka dapat bertindak dengan lebih pantas untuk mengadakan aktiviti gotong-royong, menjalankan operasi cari dan musnah serta membuat edaran risalah.

Ahli Majlis yang ingin mengadakan program berkaitan denggi boleh memohon penggunaan peruntukan daripada Ahli Dewan Negeri (ADUN) yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan negeri sebanyak RM10,000.00 untuk tahun 2017.

2.7 LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN ISU SAMPAH HARAM

Sehingga bulan **Februari 2017** sebanyak **13** Notis Tawaran Kompaun (NTK) telah dikeluarkan dan **1 sitaan** kenderaan telah dilakukan. Sebanyak **7 NTK** dikeluarkan di bawah Seksyen 4 (Kesalahan membuang apa-apa sampah di tempat awam), **1 NTK** di bawah Seksyen 6 (Kesalahan tidak menyediakan tong sampah di premis perniagaan) dan **5 NTK** di bawah Seksyen 12 (Kesalahan membuang buangan perindustrian dan buangan dagangan yang ditetapkan oleh Majlis). Kesemua NTK ini dikeluarkan di bawah **Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (UUK PPPS) MPSJ 2007**.

Pihak Majlis akan terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan terhadap aktiviti pembuangan sampah di tempat yang tidak dibenarkan.

2.8 CADANGAN LALUAN BASIKAL DI KAWASAN PUTRA HEIGHT:

LALUAN (PERSIARAN PUTRA PERDANA - PERSIARAN HARMONI – JALAN HARMONI – JALAN PUTRA HARMONI – JALAN PUTRA SETIA – PERSIARAN PUTRA INDAH – PERSIARAN PUTRA PERDANA – JALAN PETALING – PERSIARAN PUTRA BAHAGIA)

Pada 20 Disember 2016, di dalam mesyuarat Stanco Pengangkutan Negeri Selangor Bil.3/2016, yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Teng Chang Khim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian (IKS), Perdagangan dan Pengangkutan, telah mencadangkan pelaksanaan projek laluan basikal sepanjang 1,000 kilometer di Negeri Selangor dan semua PBT di Negeri Selangor perlu menyediakan cadangan laluan basikal untuk dilaksanakan pada tahun 2017 mengikut kriteria berikut:

- a. Bandaraya / Perbandaran : 15 kilometer
- b. Daerah : 10 kilometer

Bagi mendokong hasrat Kerajaan Negeri dan sejajar dengan hasrat MPSJ untuk terus mengorak langkah bagi membangunkan Perbandaran Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman serta MPSJ Bandar Hijau 2030, MPSJ menyambut baik cadangan pelaksanaan projek laluan basikal ini dan cadangan pelan laluan basikal telah disediakan.

Sebagai permulaan bagi mewujudkan laluan basikal yang komprehensif, cadangan kawasan yang dipilih sebagai pilot projek adalah dikawasan Putra Height dengan jarak 15.46 kilometer dan

merupakan laluan yang lengkap sebagai satu pusingan. Cadangan laluan ini akan melalui kawasan kejiranan dan menghubungkan kawasan tumpuan seperti berikut:

- a. Tiga (3) stesyen LRT iaitu Stesyen LRT Putra Height, Subang Alam dan Alam Megah;
- b. Dua (2) buah sekolah iaitu SMK USJ 23 dan SJK(C) Tun Tan Siew Sin
- c. Dua (2) pusat membeli belah iaitu One City & Giant
- d. Kawasan rekreasi Taman Bestrai 2
- e. Pasar pagi
- f. Kawasan pembangunan Rumah Selangorku

Pemilihan kawasan Putra Height adalah disebabkan kawasan pembangunan ini mempunyai aliran trafik yang sederhana serta keadaan jalan yang lebar dan selamat. Bagi memastikan laluan basikal ini digunakan secara optima, ianya akan direkabentuk secara integrasi iaitu laluan basikal yang disediakan di atas jalan (*carriageway*) sedia ada dengan lorong berasingan.

Cadangan penyediaan laluan basikal ini tidak akan berhenti di kawasan Putra Height sahaja. Pihak Majlis sedang menyediakan pelan cadangan laluan basikal komprehensif dan menyeluruh dengan merancang cadangan pelan laluan yang akan dilaksanakan secara berfasa dan merangkumi hampir keseluruhan bandar-bandar utama di kawasan pentadbiran MPSJ seperti berikut :

- a. Bandar Sunway, Subang Jaya
- b. Bandar Putri, Puchong
- c. Bandar Puchong Perdana, Puchong
- d. Bandar Kinrara, Kinrara
- e. Bandar Putra Permai
- f. Seri Kembangan

Bagi memastikan perancangan cadangan laluan basikal ini dapat dibuat dengan jayanya, pihak Majlis mengalu-alukan cadangan dan pandangan yang membina daripada semua pihak terutamanya Ahli Majlis kawasan, pihak persatuan penduduk, NGO dan persatuan-persatuan berbasikal serta kakitangan Majlis. Bagi memudahkan maklumbalas daripada semua pihak, perincian bagi cadangan laluan basikal ini akan dimuat naik di laman sesawang MPSJ, Facebook dan instragram.

Sebelum cadangan laluan basikal ini dilaksanakan di atas tapak, pihak Majlis akan mengadakan perbincangan bersama semua pihak yang berkaitan bagi memperhalusi cadangan dan pandangan ini untuk memastikan perancangan yang dibuat secara menyeluruh dan holistic.

Bagi memastikan sasaran MPSJ Bandar Hijau 2030 terlaksana, usaha berterusan untuk menggalakkan penggunaan basikal dikalangan penduduk di kawasan MPSJ akan dibuat. Perancangan jangka panjang untuk mewujudkan laluan basikal disemua kawasan dibawah pentadbiran MPSJ akan dilaksanakan secara berperingkat. Diharap dengan adanya nanti laluan basikal ini akan mengubah mod pengangkutan penduduk MPSJ untuk mengamalkan gaya hidup sihat dengan berbasikal sekaligus menjadikan MPSJ sebagai bandar rendah karbon.

2.9 UNDIAN PETAK BAZAR RAMADHAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA TAHUN 2017

Pengundian petak Bazar Ramadan bagi kawasan pentadbiran MPSJ akan diadakan pada **19 April 2017(Rabu)** bertempat di **Stadium MPSJ Serdang Jaya**. Pengundian akan dilakukan oleh Ahli Majlis dan disaksikan oleh Unit Audit Dalam, Unit Integriti dan agensi lain yang berkaitan.

2.10 OPERASI PEROBOHAN STRUKTUR IKLAN TANPA KEBENARAN

Jabatan Pelesenan telah menjalankan operasi perobohan iklan tanpa kebenaran. Sehingga **Januari hingga Mac 2017** sebanyak **89 unit mini sign** telah dirobuhkan. MPSJ akan terus mengambil tindakan tegas ke atas iklan tanpa kebenaran di kawasan Majlis. Tindakan penguatkuasaan dan notis tindakan kompaun akan dilaksanakan mengikut Undang-Undang Iklan MPSJ 2007 dan lain-lain akta berkaitan.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 2/2017

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 2 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 28 Februari 2017 (Selasa) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 5/2017 bertarikh 1 Mac 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 6/2017 bertarikh 15 Mac 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 8.1 & m/surat 121	Encik Chang Kim Loong, A.M.N	Senarai Penerimaan Sijil 'CCC' bagi bulan Februari 2017.	<p>Beliau memaklumkan amat berpuashati di atas pelaksanaan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) oleh pihak Majlis. Walaubagaimanapun, beliau mencadangkan beberapa penambahbaikan dilakukan khususnya yang melibatkan tambahan dan ubahsuaian kediaman sedia ada.</p> <p><u>Maklum balas</u></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa aspek-aspek penambahbaikan tersebut perlu dibentangkan didalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk perbincangan dan pertimbangan.</p> <p>Tindakan : Urusetia Pusat Setempat (OSC)</p>

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat Bil. 3/2017 bertarikh 8 Mac 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.1 & m/surat 18	Encik Chang Kim Loong, A.M.N	Isu perjanjian antara MPSJ dan Konsep Purnama Sdn. Bhd. dan Realiti Padu Sdn. Bhd.	<p>Beliau memohon penjelasan berhubung isu tuntutan perkongsian keuntungan antara pihak Majlis dan pemaju yang berjumlah 30%.</p> <p><u>Maklum balas</u></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua meminta agar Jabatan-Jabatan yang terlibat untuk menyemak dan mengkaji semula dokumen kontrak perjanjian dan minit-minit mesyuarat berkaitan bagi memastikan perkara tersebut dipatuhi.</p> <p>Tindakan : Jabatan Undang-Undang</p>

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 3/2017 bertarikh 14 Mac 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 3/2017 bertarikh 14 Mac 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 3/2017 bertarikh 16 Mac 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 7.6.4 & m/surat 21	Encik Yap Kok Weng	Status terkini kerja-kerja naik taraf / penyelarasan untuk masalah banjir di Pasaraya IOI, LDP dan One Puchong.	Beliau meminta penjelasan berhubung tindakan yang diambil oleh pihak Majlis bagi mengatasi masalah banjir di One Puchong. <u>Maklum balas</u> Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis telah melaksanakan beberapa

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>langkah bagi mengatasi masalah banjir di One Puchong antaranya ialah meminta pihak pemaju iaitu Isyland membina kolam takungan di lokasi yang menerima air daripada One Puchong, memecahkan tembok yang menghalang aliran air daripada One Puchong ke tasik yang merentasi LDP dan memastikan <i>culvert</i> daripada One Puchong yang merentasi LDP berada dalam keadaan baik dan tidak tersumbat.</p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua juga meminta Ahli Majlis bersama pihak pemaju mengambil inisiatif memberi penerangan kepada <i>public</i> mengenai punca sebenar dan tindakan yang telah di ambil bagi mengatasi isu banjir di One City dan kawasan disekitarnya.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 3/2017 bertarikh 17 Mac 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 3/2017 bertarikh 20 Mac 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 3/2017 bertarikh 21 Mac 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 10.6 & m/surat 23	Encik Pooi Weng Keong	Cadangan permohonan untuk mendapatkan lesen perniagaan dan iklan tempat letak kereta serta mengawal selia pondok pengawal di laluan masuk dan keluar Subang Perdana Court 2 oleh Perbadanan	Beliau memohon pertimbangan Dato' Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Mesyuarat untuk menyemak semula keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 3/2017 yang telah menolak permohonan daripada pemohon.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Pengurusan Subang Perdana Court 2	<p><u>Maklum balas</u></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 3/2017 dikekalkan.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, permohonan ini akan dibincangkan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>

8.0 PENUTUP

Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.10 tengah hari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **April 2017** akan diadakan pada **26 April 2017 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 06 April 2017

" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, D.P.M.S, S.M.S.
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Tuan Hj. Jaber bin Ami | - | " |
| 5. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 6. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 7. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 8. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 9. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 10. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 14. | Encik Wan Hock Leong, P.J.M., P.P.A. | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 17. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 18. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 19. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 20. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 21. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 22. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 23. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 24. | Puan Wong Siew Ki | - | " |
| 25. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-----------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | Ahli Majlis |
|----|-----------------------------|---|-------------|

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Tn. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

5. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
7. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
8. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Kesihatan
9. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
11. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
12. Encik Muhd Hasnizam bin Hasan
Pengarah, Jabatan COB
13. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
14. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
15. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
16. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
17. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

18. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
19. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
20. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
21. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
22. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
23. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
24. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
25. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
26. Cik Helda Syima binti Abu Talab
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
27. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
28. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
29. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
30. Encik Mohd Fikri bin Misro
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

31. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
32. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
33. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
34. Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
35. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
36. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam
37. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
38. Encik Muhammad Iskandar Z bin Ami
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
39. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
40. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
41. Puan Mazlina binti Mautafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam
42. Cik Nadia binti Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
43. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik

44. Encik Zamir Umbra bin Shahimi
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
45. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
46. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
47. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
48. Encik Aidil Ifni bin Supar
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
49. Puan Nabila Amalina binti Mohd Hamid
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
50. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
51. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
52. Puan Salihah binti Ramli
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
53. Cik Roshaira binti Rosly
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
54. Encik Muhammad Shah Faris bin Kamarulzaman
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
55. Puan Nurnawwar binti Arpaaii
Pegawai Perubatan, Jabatan Kesihatan
56. Cik Zamzamah binti Dato' Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan OSC

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir (Kanan), Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan